

14hb. Januari, 1976.

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.2 TAHUN 1976

### Tanggungjawab bagi menjelaskan bayaran air - Perintah Am 18 Bab 'E'

Adalah saya diarah menaruh perhatian tuan kepada [Perintah Am 18 Bab 'E'](#) yang meletakkan tanggungjawab ke atas pekerja-pekerja yang menduduki rumah kerajaan untuk membayar sendiri bayaran-bayaran bagi perkhidmatan bekalan air, elektrik dan lain-lain. [Perintah Am 'E' 18](#) ini adalah hasil daripada kajian yang mendalam yang telah dijalankan oleh Jabatan ini mengenai beberapa kemudahan termasuk pengurangan rumah Kerajaan, kemudahan air percuma dan sebagainya selepas pelaksanaan syarat-syarat perkhidmatan gaji bersih.

2. [Perintah Am Bab 'E'](#) baru telah dikeluarkan dengan kuatkuasa bermula daripada 1hb. Februari, 1974. Dengannya kemudahan bekalan air percuma kepada pekerja-pekerja yang diuntukkan dan menduduki rumah-rumah kerajaan kelas 'H', 'I' dan 'J' (yakni bergaji \$190/- sebulan ke bawah) atau lain-lain jenis yang dikecualikan adalah ditarik balik dari tarikh tersebut dan pekerja-pekerja adalah dikehendaki membayar bayaran air yang mereka gunakan. Pungutan bayaran air itu hendaklah dibuat oleh Jabatan-jabatan Persekutuan dan Pentadbiran-pentadbiran Negeri daripada pekerja-pekerja yang terlibat dan menjelaskannya kepada Jabatan Kerja Raya atau Lembaga Air yang berkenaan.

3. Beberapa kesukaran telah dilaporkan dari segi pelaksanaan peraturan untuk memungut bayaran air daripada pekerja-pekerja yang menduduki rumah-rumah kerajaan sebagai tersebut terutama sekali di mana tiada didapati meter air atau meter air yang berasingan. Beberapa Jabatan Persekutuan dan Pentadbiran Negeri belum lagi membuat pungutan bayaran air semenjak keluarnya [Perintah Am Bab 'E'](#) yang dikuatkuasakan mulai pada 1 hb. Februari, 1974. Untuk mengatasi kesukaran-kesukaran yang dihadapi dan untuk mencapai penyelarasan dalam amalan-amalan yang sedang dipakai bagi pungutan bayaran air daripada pekerja-pekerja yang menduduki rumah kerajaan, Jabatan ini telah membuat beberapa ketetapan seperti yang diuraikan di bawah.

#### Cara Mengenakan Bayaran Air

[4. Pembayaran bagi bekalan air hendaklah mengikut bil yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya atau Lembaga Air yang berkenaan. Bagi rumah-rumah kaman yang dipasang meter air bersama, bayaran air dikenakan mengikut sistem pungutan pukol rata sebanyak \$5.00 sebulan bagi satu keluarga. Rumah-rumah Kerajaan yang tiada meter air hendaklah dilengkapi dengannya dengan membuat permintaan kepada pihak berkuasa bekalan air.]<sup>1</sup>

1. Petikan ini membatalkan dan menggantikan petikan asal menurut [Surat Pekeliling Bil.27/77](#) berkuatkuasa pada 1 November 1977

Petikan Asal ialah:

Pembayaran bagi bekalan air hendaklah mengikut bil yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya atau Lembaga Air yang berkenaan. Bagi rumah-rumah kaman yang dipasang meter air bersama (common water meter) bayaran air dikenakan mengikut kepada anggota sesuatu keluarga yang menduduki kaman itu. Misalnya, katakanlah jumlah bil air dari meter air bersama bagi sesuatu kaman itu ialah \$200.00 sebulan dan jumlah penghuni ialah sebanyak 100, maka kutipan mengikut kepada anggota ialah  $\$200 \div 100 = \$2$  seorang. Jika bilangan ahli dalam sesuatu keluarga berjumlah  $\$2 \times 10 = \$20$  sebulan. Rumah-rumah kerajaan yang tiada meter air hendaklah

dilengkapkan dengannya dengan membuat permintaan kepada pihak berkuasa bekalan air.

### **Tunggakan Pembayaran Air**

5. Jabatan-jabatan Persekutuan dan Pentadbiran Negeri yang belum lagi membuat pungutan bayaran air semenjak [Perintah Am Bab 'E'](#) dikuatkuasakan pada 1hb. Februari, 1974 hendaklah memungut tunggakan daripada pekerja-pekerja yang terlibat. Memandangkan kepada tempoh yang telah berlalu tunggakan bayaran air itu hendaklah dipungut dari sekarang dengan secara ansuran, sekurang-kurangnya sebanyak \$5/- sebulan. Pungutan yang dibuat hendaklah diserahkan oleh Jabatan-jabatan Persekutuan dan Pentadbiran-pentadbiran Negeri yang terlibat kepada Jabatan Kerja Raya atau Lembaga Air yang berkenaan.

### **Bayaran Balik**

6. Adalah difahamkan bahawa ada setengah Pentadbiran Negeri yang telah terus membuat pungutan bayaran air selepas tarikh keluarnya [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1972](#). Pungutan bayaran yang telah dibuat di antara 1hb. Mac, 1972 hingga 31hb. Januari, 1974 itu hendaklah dikembalikan kepada pekerja yang bersangkutan oleh kerana bekalan air, ketika itu, adalah diberi percuma sebanyak 50 gelen sehari. Jabatan berkenaan hanya boleh menyimpan bayaran air yang dikenakan mengikut penggunaan yang melebihi catuan percuma yang tersebut. Sekiranya pekerja-pekerja yang berkenaan didapati terlibat dengan tunggakan bil air yang dimaksudkan dalam perenggan 5 di atas, kutipan yang telah berlaku itu boleh diselaraskan dengan sebarang tunggakan bil air yang perlu dijelaskan berikutan dengan kuatkuasa [Perintah Am Bab 'E'](#) baru.

7. [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1972](#) adalah dengan ini dibatalkan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDDIN BIN MUHD. DARUS)  
Bahagian Gaji,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian.  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.  
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.  
Ketua-ketua Jabatan Negeri.